

MANIFESTO-PAS

1978

ALOR STAR, JUNE 22 (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBIDAS PARA PEMIMPIN PAS KERANA MENGGUNAKAN POTONGAN-POTONGAN AYAT QURAN DALAM MANIFESTO PARTI ITU BERTUJUAN MEMANCING UNDI RAKYAT.

BERUCAP DI MAJLIS CERAMAH DI KAMPUNG BATA, 18 BATU DARI SINI MALAM TADI BELIAU BERKATA PERBUATAN MENGGUNAKAN AYAT QURAN DENGAN SEWENANG-WENANGNYA ADALAH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

KATANYA, RAKYAT JANGANLAH MUDAH TERPENGARUH DENGAN MANIFESTO MEREKA YANG MEMPUNYAI TUJUAN TERTENTU BAGI KEPENTINGAN PARTI ITU.

BELIAU BERKATA, PAS SEBUAH PARTI YANG BERDASARKAN PRINSIP ISLAM TIDAK SEPATUTNYA BERBUAT DEMIKIAN DENGAN CARA MUDAH MENGGUNAKAN POTONGAN-POTONGAN AYAT QURAN DALAM MANIFESTONYA.

MENURUTNYA, PARTI ITU SEKARANG BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH DAN PARA PEMIMPIN PAS SANGGUP MELAKUKAN APA SAJA UNTUK MENDAPAT KERUSI DALAM PILIHANRAYA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU MENENTANG CALUN PAS ENCIK HALIM ARSHAD, MENINGATKAN RAKYAT KHASNYA AHLI-AHLI UMNO SEJAK PAS KELUAR DARI BN MEREKA SANGAT MEMBENCI UMNO. — BERSAMBUNG 1008/A1

££

B504:

MANIFESTO - PAS 2 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA MEREKA SEKARANG BERUSAHA MENJALANKAN SEBARANG TEKTIK UNTUK MENGHANCURKAN UMNO DAN ORANG-ORANG MELAYU YANG MENJADI AHLI UMNO.

KATANYA, TANPA PERPADUAN YANG KUKUH DIKALANGAN ORANG MELAYU PINTU BAGI ANASIR KOMUNIS MERESAP MASUK AKAN TERBUKA LUAS.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA KEADAAN ITU BERLAKU PARA PEMIMPIN PAS ADALAH BERTANGGUNGJAWAB KERANA MEREKALAH YANG MAHU ORANG MELAYU BERPECAH BELAH.

MENURUT BELIAU SEKIRANYA KEADAAN BEGITU BERLAKU KERAJAAN TIDAK AKAN DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

KATANYA, PEMBANGUNAN HANYA DAPAT DIJALANKAN DENGAN ADANYA KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI SERTA RAKYAT HIDUP DALAM AMAN.

BELIAU BERKATA, ADALAH MENJADI DASAR DAN TUJUAN UTAMA SETIAP KOMPONAN PARTI DALAM BN MELAKSANA DAN MENJAYAKAN PROJEK PEMBANGUNAN SAMADA DARI SEGI KEBENDAAN ATAU ROHANIAH.

BELIAU YAKIN SEKIRANYA RAKYAT DAPAT MEMBERI MANDAT BARU KEPADA BN DALAM PILIHANRAYA INI SEMUA PROJEK PEMBANGUNAN AKAN DAPAT DILAKSANAKAN SEPERTI MANA YANG DIRANCANGKAN. — BERNAMA 1012/A1